



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PEMILIHAN BERSEJARAH SAINTIS MALAYSIA PERTAMA SEBAGAI FELO DI ROYAL SOCIETY

KUALA LUMPUR, 21 Mei 2025 – Malaysia mencatat sejarah apabila seorang saintis Malaysia, Dr Ravigadevi Sambanthamurthi FASc, terpilih sebagai Felo di Royal Society, akademi sains tertua dan paling berprestij di dunia. Ini merupakan kali pertama dalam sejarah sejak penubuhan Royal Society pada tahun 1660, warganegara Malaysia dipilih menyertai badan berprestij ini. Dr Ravigadevi Sambanthamurthi FASc akan dilantik secara rasmi sebagai Felo dalam satu majlis di London pada 11 Julai 2025, di mana beliau akan menandatangani *Charter Book* Royal Society, sebuah rekod bersejarah yang mengandungi tandatangan tokoh-tokoh saintifik terkemuka sepanjang lebih tiga abad.

Sebagai perintis dalam bioteknologi, Dr Ravigadevi telah dilantik sebagai Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) pada tahun 2010 dan kini merupakan Pengerusi Disiplin Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar. Beliau juga merupakan Felo di *the World Academy of Sciences*. Sebagai bekas Pengarah Pusat Bioteknologi dan Pembiakbakaan Lanjutan di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), beliau telah menerajui penyelidikan transformatif dalam bidang biokimia dan genomik kelapa sawit. Inovasi beliau telah memberi impak global, khususnya dalam meningkatkan hasil, kecekapan sumber dan kelestarian alam sekitar.

Antara pencapaian paling signifikan beliau ialah kejayaan mengetuai pasukan penyelidik yang menyahkod genom kelapa sawit, satu penemuan saintifik penting yang diterbitkan dalam jurnal terkemuka *Nature*. Penemuan ini membawa kepada penemuan gen *SHELL* yang menentukan hasil pengeluaran minyak. Hasil penemuan ini, ujian DNA kini boleh digunakan untuk memilih pokok berpotensi tinggi, sekali gus membantu pekebun menghasilkan lebih banyak minyak dengan penggunaan tanah yang lebih sedikit dan impak alam sekitar yang lebih rendah. Beliau juga menemui sebatian bioaktif bernilai tinggi dalam efluen kilang sawit, yang sebelum ini dianggap sisa pencemar. Dr Ravigadevi membangunkan kaedah untuk mengekstrak sebatian ini, menukar aliran sisa kepada sumber bernilai, serta menyokong ekonomi kitaran.

Antara anugerah dan penghormatan yang diterima beliau termasuklah *Knight of the International Order of Merit of Inventors* oleh *International Federation of Inventors Association* pada tahun 2009, Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Tan Sri Augustine Ong atas Ciptaan dan Inovasi dalam Kelapa Sawit (2022) dan pengiktirafan *Intel*

Environment Laureate oleh *Tech Museum Award*, Amerika Syarikat bagi “*individuals and organisations whose ideas and execution are changing the world.*”

Mengulas tentang pengiktirafan ini, Dr Ravigadevi berkata, “Saya amat berbesar hati dan dengan rasa rendah diri untuk menerima penghormatan ini. Saya tidak melihat anugerah ini sebagai kejayaan peribadi, tetapi ia juga penghargaan kepada semua pasukan cemerlang yang saya pernah bekerjasama. Kemajuan sains bukan hasil kerja seorang individu semata-mata, tetapi lahir daripada visi, dedikasi dan kerjasama. Ekosistem penyelidikan yang dinamik di MPOB dan rakan-rakan penyelidik telah menjadikan semua ini satu kenyataan.”

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang merakamkan ucapan tahniah dan berkata, “Pemilihan Dr Ravigadevi sebagai Felo Malaysia pertama di Royal Society merupakan detik yang membanggakan untuk negara kita. Pengiktirafan ini bukan sahaja satu pencapaian peribadi, malah mencerminkan aspirasi Malaysia di bawah kerangka Malaysia MADANI, sebuah negara yang mengangkat kesejahteraan melalui ilmu dan memperjuangkan kemampanan melalui inovasi. MOSTI akan terus memperkukuh ekosistem yang menyuburkan kecemerlangan, menyegerakan impak dan meletakkan Malaysia sebagai penyumbang yang disegani dalam landskap sains global.”

Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc berkata, “Bagi pihak ASM, kami merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr Ravigadevi atas pencapaian luar biasa ini. Pemilihan seorang rakyat Malaysia ke dalam badan berprestij ini menunjukkan peningkatan impak sumbangan saintifik negara kita di peringkat global. Lebih penting lagi, penyelidikan beliau bukan sahaja memajukan pemahaman saintifik, malah membawa manfaat ketara kepada masyarakat.”

Royal Society yang ditubuhkan pada tahun 1660, menghimpunkan para saintis paling berpengaruh dalam sejarah, termasuk Isaac Newton, Charles Darwin, Albert Einstein dan Stephen Hawking. Pada tahun 2025, lebih 90 individu dari beberapa buah negara sepeetti Malaysia, Singapura, Afrika Selatan, China dan Switzerland telah dipilih sebagai Felo Royal Society. Akhbar *The Guardian* pernah menyifatkan pengiktirafan ini sebagai “setaraf dengan Anugerah Oscar Sepanjang Hayat.” Pengiktirafan ini diberikan kepada ahli sains yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam bidang masing-masing dan dianggap antara penghormatan tertinggi dalam komuniti saintifik.

Pemilihan ini juga amat bermakna bagi wanita dalam bidang sains. Royal Society hanya mula menerima ahli wanita pada tahun 1945, menjadikan pemilihan Dr. Ravigadevi sangat signifikan dalam meningkatkan keterlihatan saintis wanita. Pengiktirafan ini merupakan simbol kemajuan serta sumber inspirasi kepada saintis muda, khususnya wanita dan mereka yang dari negara membangun.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
21 Mei 2025





Kit Media: [Dr Ravigadevi - Felo Royal Society](#)

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Pemasaran, Akademi Sains Malaysia

Najib Mohd Idris

najib@akademisains.gov.my

(+6019 303 7847)

